

## BANK ISLAM – BANK PERTAMA DI MALAYSIA DIIKTIRAF SEBAGAI PENASIHAT KEWANGAN HIJAU

Menyediakan panduan berkemahiran melalui penyelesaian kewangan mampan

**KUALA LUMPUR, Isnin, [25 November 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) berbangga menjadi bank pertama di Malaysia yang melahirkan 86 *Certified Green Finance Advisors (CGFA)*, dan mengukuhkan komitmen terhadap kelestarian melalui program latihan komprehensif yang dibangunkan bersama Asian Banking School (ABS).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, program CGFA memberi keutamaan kepada pegawai yang berurusan secara langsung dengan pelanggan dan penganalisis kredit bagi memperkasakan penyampaian penyelesaian pembiayaan hijau yang mampan dan selaras dengan matlamat ekonomi serta alam sekitar jangka panjang. Majlis graduasi disaksikan oleh Pengarah Latihan Perbankan Komersial ABS, Dr Lim Guan Chye, dan Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan Bank Islam, Iskandar Shah Zulkarnain.

“Pada Jumaat lalu, seramai 86 kakitangan Bank Islam berjaya menamatkan latihan CGFA berstruktur dalam pembiayaan mampan yang bermula sejak 2022. Kakitangan yang terdiri daripada penasihat pelanggan, dan penganalisis kredit kini dilengkapi kemahiran untuk menyediakan penyelesaian pembiayaan hijau terbaik bagi menyokong pembangunan mampan serta memberikan impak positif kepada alam sekitar.

“Program ini akan memberikan manfaat besar dengan memastikan keberkesanan dan aplikasi CGFA dalam bidang utama seperti penilaian dan nasihat kepada pelanggan, pengurusan risiko dan penilaian wajar, panduan mengenai insentif, penyusunan produk kewangan mampan, serta meningkatkan kesedaran dan membina keupayaan,” tambah beliau.

Mohd Muazzam turut menyatakan bahawa latihan daripada ABS telah melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membimbing pelanggan mencapai matlamat kewangan menerusi pendekatan pembiayaan mampan.

Dalam pada itu, Pengarah Latihan Perbankan Komersial ABS, Dr Lim Guan Chye berkata, ABS merakamkan penghargaan kepada Bank Islam atas peluang untuk menjalinkan kerjasama dalam program pensijilan pertama seumpama ini.

“Pencapaian ini membuktikan komitmen Bank Islam terhadap masa depan yang mampan dan menyerlahkan peranan penting bank dalam memacu inisiatif pemuliharaan alam sekitar dalam sektor kewangan. Ia juga mencerminkan komitmen

Bank Islam memastikan kemahiran kakitangan sentiasa dipertingkatkan dan manfaat pembelajaran yang berterusan,” ujarnya.

Komitmen Bank Islam adalah untuk terus memperkasakan kemahiran tenaga kerjanya dalam bidang kelestarian serta memperluaskan produk kewangan hijau dan mampan, di samping memperkuuhkan dedikasinya terhadap impak positif jangka Panjang. Setakat 30 Jun 2024, Bank Islam telah mencatatkan RM47.7 bilion dalam pembiayaan hijau, sekali gus melepassi sasaran awal RM4 bilion menjelang 2025 bagi menyokong pertumbuhan hijau.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari

**Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.**